

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jenis insentif pendanaan (seperti pengecualian cukai) yang boleh dimanfaatkan oleh persatuan-persatuan sukan dan permainan yang ada dalam negara. Nyatakan sekali bagaimana proses-prosesnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) juga telah mewujudkan pelbagai insentif pendanaan berkaitan sukan prestasi tinggi yang boleh dimanfaatkan oleh Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) antaranya adalah:

- a) **Geran Bantuan Pentadbiran Persatuan Sukan Kebangsaan** yang merupakan bantuan kerajaan untuk membantu mengukuhkan tadbir urus persatuan sukan prestasi tinggi agar lebih sistematik dan efisien. PSK yang memohon layak menerima **elaun Pegawai Eksekutif Sukan (RM1,500.00), elaun Pengurus Besar (RM2,000.00), geran pentadbiran pejabat (RM5,000.00)** dan **bantuan menghadiri seminar/kongres di luar negara (tiket kapal terbang berdasarkan destinasi)**.
- b) **Geran Bantuan Penganjuran Kejohanan** juga disediakan kepada PSK bagi menggalakkan penganjuran kejohanan di pelbagai peringkat secara kompetitif. Kadar bagi penganjuran kejohanan adalah seperti berikut:
 - **Kejohanan Kebangsaan** adalah di antara RM30,000.00 ke RM50,000.00;
 - **Kejohanan Remaja Kebangsaan** di antara RM25,000.00 ke RM30,000.00; dan
 - **Kejohanan Negeri** di antara RM10,000.00 ke RM15,000.00.
- c) Bagi menggalakkan penajaan dalam pembangunan sukan prestasi tinggi negara, **insentif pengecualian cukai** juga diperkenalkan menerusi MSN. Individu atau badan korporat yang memberikan sumbangan bagi pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan **sukan sahaja** akan mendapat **Pengecualian Cukai** yang termaktub di bawah **Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967**. Para penyumbang/ penaja yang memberikan sumbangan/derma dalam bentuk wang tunai sahaja layak mendapat tolakan dalam pengiraan pendapatan agregat (kadar pengecualian adalah terhadap **7% daripada**

pendapatan agregat kepada individu dan 10% daripada pendapatan agregat kepada syarikat).

Tatacara memohon pengecualian cukai oleh penaja adalah seperti berikut:

- i. **Penerima sumbangan (badan sukan) perlu memohon kebenaran menggunakan AKAUN SUMBANGAN melalui MSN.**
- ii. **MSN akan meneliti dan mengeluarkan surat kebenaran kepada Badan sukan.**
- iii. **Badan sukan membuat penyelarasan tuntutan wang tajaan daripada MSN** selepas menerima makluman secara bertulis daripada pihak penaja.
- iv. **Resit Pengecualian Cukai akan dikeluarkan oleh MSN dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum wang tajaan disalurkan kepada badan sukan tersebut.**

Melalui pemberian insentif ini, KBS berharap agar Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) ini dapat memberikan sumbangan kembali kepada negara dalam membantu Kerajaan memperkasakan lagi pembangunan industri sukan di Malaysia. Melihat kepada pembangunan sukan di dalam negara, **Sektor industri sukan** di Malaysia sewajarnya diberi **perhatian serius memandangkan keupayaannya untuk menyumbang secara signifikan kepada ekonomi Malaysia.** Selain itu, Kerajaan juga berharap agar persatuan sukan ini dapat mengetengahkan bakat-bakat baru yang bakal memberi saingan yang hebat di temasya sukan bertaraf dunia yang secara tidak langsung dapat **memperkasakan sektor industri sukan** di negara ini

Sekian, terima kasih.